

Mahathir yakin Asean tidak akan terjebak

JAKARTA, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, Vietnam sekarang sedang menumpukan perhatian terhadap pembangunan dalam negerinya dan tidak akan aktif dalam usaha mem-perkembangkan pengaruhnya di luar negeri.

Perdana Menteri memberitahu satu sidang akhbar di Wisma Negara di sini sebelum berangkat pulang hari ini. Beliau juga yakin, Vietnam tidak akan cuba menyerang negara-negara ASEAN.

Malaysia berpendapat, sekiranya masalah politik dan ketenterannya dapat diatasi, Vietnam akan menumpukan perhatian terhadap hal ehwal dalam negerinya dan "tidak akan menjadi ancaman terhadap ASEAN," tegasnya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan sama ada Malaysia dan negara-negara ASEAN lain akan menjadi mangsa Vietnam dalam percaturan politik antarabangsa.

Katanya, ASEAN tidak akan terjebak dengan pengaruh dua kuasa besar di Asia - China dan Russia - tapi sebaliknya akan mengadakan hubungan yang seimbang dengan kedua negara tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir dalam siri pertama lawatan keluar negeri sejak menjadi Perdana Menteri bulan lalu.

Mengenal pegangan ASEAN pada konsep zon damai, bebas dan berkecuali, (ZOPFAN), beliau berkata, Malaysia yakin, untuk menjadi sebuah rantau yang berkecuali, ia mestilah dihormati oleh semua kuasa besar.

"Kita tidak bimbang terhadap kuasa-kuasa kecil. Mereka tidak boleh menghantar kapal perang ke perairan kita. Tetapi yang membimbangkan kita ialah aktiviti kuasa-kuasa besar," katanya.

Dua hala

ZOPFAN, katanya, tidak akan bermakna tanpa pengiktirafan kuasa-kuasa besar, "dari itu, adalah perlu bagi kita memenangi kepercayaan kuasa-kuasa besar seperti China, Russia, dan Amerika Syarikat supaya konsep berkecuali ini menjadi kenyataan."

Beliau mengakui kuasa-kuasa besar tidak mudah dipujuk, kerana mereka mempunyai pandangan politik masing-masing. "Tetapi kita akan berusaha ke arah ini," tegasnya.

ASEAN, katanya, sepakat mengenal perk-

ara tersebut dan dari itu adalah tidak perlu kuasa besar campurtangan untuk membantu menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Sementara itu satu kenyataan bersama dikeluarkan di sini di akhir lawatan Datuk Seri Dr. Mahathir, Malaysia dan Indonesia mengenai kepercayaan mereka, satu penyelesaian politik perlu dicapai bagi masalah Kampuchea demi menjadikan konsep ZOPFAN satu realiti.

Dalam kenyataan itu, Presiden Suharto dan Datuk Seri Dr. Mahathir percaya, pengiktirafan kuasa besar terhadap konsep tersebut akan memberi peluang kepada negara-negara ASEAN menumpukan perhatian masing-masing terhadap pembangunan dalam negeri mereka tanpa bimbang kemungkinan campurtangan atau serangan mana-mana pihak.

Mengenal hubungan dua hala, mereka menyatakan puas hati terhadap hubungan yang dijalin selama ini dan yakin kerjasama di bidang ekonomi, sosial, kebudayaan dan keselamatan menguntungkan rakyat

kedua negara.

Kedua pemimpin itu juga berpendapat, konsep ASEAN sebagai satu program kerjasama serantau seperti yang termaktub dalam Perisytiharan Bangkok dan Bali adalah berkesan.

Menjawab satu soalan dalam sidang akhbar tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sumpah Vietnam masih enggan memerintahkan tenteranya keluar dari Kampuchea, dan beberapa pihak lain menguak mewakil negara itu di persidangan antarabangsa, jalan keluar dalam bentuk rundingan bagi penyelesaian masalah itu masih terbuka.

Sungguhpun ASEAN tidak boleh memaksa Vietnam menerima usulnya, ASEAN, tegasnya, akan mengambil satu ofensif politik bagi mendapatkan sokongan dari negara-negara lain di dunia.

Katanya, langkah ini pasti berkesan kerana tidak ada sebuah negara pun yang mahu dipulaukan oleh masyarakat antarabangsa.

Beliau yakin cara ini akan berjaya kerana ASEAN tidak mencadangkan Vietnam dihancurkan dan ia tidak merugikan mana-mana pihak dan negara itu tidak akan menjadi 'anak didik' kepada mana-mana kuasa besar.

Katanya, China dapat menerima usul ini dan sekiranya Russia turut menerimanya, sudah pasti satu langkah positif mencari kedamaian berkekal di Indo-China akan tercapai.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia